



KENYATAAN AKHBAR
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MAJLIS PELANCARAN PELAKSANAAN E-PAYMENT DI KLINIK
KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA PADA 2 MEI
2018

Pada masa ini, kaedah pembayaran secara e-payment ini disediakan di 115 hospital, 1 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan 4 institusi kesihatan yang terpilih di seluruh Malaysia. Pelaksanaan e – payment ini merupakan inisiatif KKM untuk mempermudah rakyat yang menerima perkhidmatan kesihatan di fasiliti KKM membuat bayaran melalui transaksi penggunaan kad tanpa membawa sejumlah wang yang banyak. Transaksi e-payment di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pembayaran bil rawatan di hospital telah diperkenalkan pada tahun 2015. Jumlah transaksi dan kutipan bayaran melalui e-payment bagi tahun 2015 hingga Mac adalah seperti yang berikut:-

Bil.	Tahun	Bilangan Transaksi	Jumlah Kutipan (RM)
1.	2015	11,502	10.34 juta
2.	2016	17,094	17.90 juta
3.	2017	24,094	22.17 juta
4.	2018 (sehingga 31 Mac 2018)	4,550	3.14 juta

Kementerian Kesihatan Malaysia telah bercadang untuk memperluaskan penggunaan e-payment di semua Klinik Kesihatan (KK) diseluruh negara. Program ini akan dilaksanakan secara berfasa, bermula dengan 12 Klinik Kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta 45 Klinik Kesihatan (KK) di negeri Selangor pada bulan

Mei 2018. Projek ini kemudiannya akan diperluaskan di 957 klinik kesihatan di seluruh negara.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama RHB Islamic Bank Berhad. Selain daripada usaha KKM bagi mencapai hasrat kerajaan ke arah masyarakat tanpa tunai atau *Cashless Society*, pelaksanaan e-payment juga akan mengurangkan risiko kehilangan wang awam di klinik-klinik kesihatan.

“Kerjasama di antara RHB dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah terjalin sejak sekian lama namun dari segi penyediaan kemudahan secara *e-Payment* di Klinik Kesihatan adalah masih di peringkat awal. Kami sangat teruja untuk bekerjasama bersama Kementerian untuk memperluaskan lagi ke kemudahan perkhidmatan tersebut ke semua klinik diseluruh negara.

“Inisiatif ini membawa RHB lebih dekat ke arah merialisasikan visi kami untuk menjadi bank sentris pelanggan (*customer centric*) yang menawarkan ekosistem digital yang memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan yang berbeza,” kata Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan dan Ketua Pengawai Eksekutif, RHB Islamic Bank Berhad.

Klinik Kesihatan Kuala Lumpur (KKKL) telah dipilih sebagai projek perintis bagi program ini memandangkan klinik ini merupakan klinik kesihatan yang terbesar di seluruh negara.

DATO’ SERI CHEN CHAW MIN

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

2 Mei 2018